

17/11/1998

Sidang tetap lancar tanpa Presiden AS

KEGAGALAN Presiden Bill Clinton menghadiri sidang kemuncak pemimpin Apec selama dua hari bermula esok, tidak menjejaskan perjalanan mesyuarat kali keenam itu.

Walaupun beberapa pemimpin serta menteri Apec kesal dengan tindakan Amerika Syarikat yang hanya menghantar Naib Presidennya, Al Gore ke sidang kali ini, mereka berpendapat mesyuarat tetap berjalan lancar.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, berkata Apec adalah kumpulan kerjasama yang disertai 21 negara dan setakat ini ia tidak pernah dikuasai oleh hanya seseorang pemimpin.

"Sudah tentu akan ada pemimpin lebih berkaliber yang mendapat tumpuan media massa. Tetapi hakikatnya ialah apabila semua pemimpin duduk semeja, kami semua adalah sama rata.

"Apa yang penting ialah idea yang bermutu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir, di Hotel Palace Of The Golden Horses, hari ini.

Beliau ditanya sama ada ketiadaan Clinton di Kuala Lumpur akan menjejaskan mesyuarat pemimpin 21 negara yang antara lain turut membincangkan krisis kewangan melanda dunia sekarang.

Semalam, Clinton mengumumkan tidak akan hadir di Sidang Kemuncak Apec di sini, kerana terpaksa menangani krisis Iraq yang dikatakan semakin tegang. Beliau akan diwakili naib presiden, Al Gore.

Turut mempersoalkan kejujuran Amerika Syarikat yang sebelum ini beria-ia mahu menjadikan forum Apec sebagai landasan untuk membantu menangani krisis kewangan di Asia ialah beberapa menteri negara anggota.

Menteri Luar Filipina, Domingo Siazon menyifatkan keputusan Amerika Syarikat itu amat malang dan jelas menunjukkan betapa lemahnya komitmen negara itu.

Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan berkata pihaknya memang mengharapkan setiap pemimpin untuk hadir tetapi tindakan Clinton menghampakan.

Bagaimanapun, Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Abdullah Badawi berkata ketiadaan Clinton tidak akan menjejaskan mesyuarat itu serta menggugat kelancaran mesyuarat.

(END)